

12/01/1998

Ceramah agama mengenai rasuah, ekonomi

KUALA LUMPUR, Ahad - Siri ceramah agama secara besar-besaran mengenai keburukan rasuah, penyelewengan dan penjelasan berhubung kegawatan ekonomi sekarang akan diadakan di seluruh negara, mulai bulan depan.

Sehubungan itu, lebih 100 pegawai dari Pusat Islam dan Jabatan Agama Islam negeri serta penceramah bebas akan diberi kursus khas sebelum mereka melaksanakan ceramah berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid, berkata kursus khas itu perlu bagi meluaskan skop kefahaman penceramah mengenai rasuah, penyelewengan kuasa dan penjajah baru menggunakan ekonomi dalam era globalisasi sekarang.

"Saluran agama seperti khutbah dan kuliah agama di masjid atau surau serta ceramah waktu makan tengah hari di pejabat, berkesan dalam memberitahu orang ramai mengenai tiga isu berkenaan serta peranan mereka membantu kerajaan," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Program ceramah agama itu adalah susulan Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lalu.

Ia antara lain bertujuan mengatasi masalah dan kelemahan terutama dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan.

Dr Abdul Hamid berkata, golongan cerdik pandai agama tidak banyak terbabit dalam pengurusan sehingga mereka tidak berminat atau menyedari bahaya pengurusan yang terdedah kepada gejala rasuah dan penyelewengan.

Menurutnya, siri ceramah agama sebagai mekanisme perjumpaan secara bersemuka adalah satu daripada kegiatan tetap dalam program pengukuhan ini.

Ia bertujuan meningkatkan kesedaran kakitangan awam mengenai kesan gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

"Isi khutbah Jumaat dan kuliah agama di masjid dan surau ditumpukan kepada penerangan mengenai bahaya rasuah dalam apa juga peringkat pengurusan dan pentadbiran awam mahupun swasta," katanya.

(END)